



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Analisis Deiksis dalam Novel 9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik

Maryam Nabilah Alias¹, Nurul Jamilah Rosly^{1*}

¹Kuliah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*Corresponding author email: nuruljamilah@iium.edu.my

ABSTRAK

Pengkajian dan penelitian deiksis dalam teks novel amat penting terutama dalam memahami isi cerita tersebut. Hal ini kerana, unsur deiksis ini mempunyai hubungannya dengan konteks pragmatik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis deiksis dalam novel pilihan pengkaji, iaitu 9 Nyawa dan menganalisis deiksis-deiksis tersebut secara terperinci melalui dialog-dialog daripada watak-watak utama novel. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks bagi tujuan pengumpulan data daripada bab 1 hingga 55 novel 9 Nyawa. Kajian ini dijalankan menggunakan Teori Pragmatik Levinson (1983). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima jenis deiksis, iaitu orang, tempat, masa, sosial dan wacana terdapat dalam novel ini. Jenis deiksis yang mendominasi ialah deiksis orang sebanyak 587 deiksis mewakili 44.81% dan jenis deiksis yang paling sedikit digunakan merupakan deiksis wacana dengan 44 deiksis, iaitu 3.36%. Analisis dapatan kajian juga mendapati penggunaan deiksis adalah bersesuaian dengan konteks dan tema novel. Penggunaan deiksis orang dengan kata ganti nama diri pertama “saya” lebih kerap digunakan berbanding dengan “aku” kerana novel ini mengetengahkan tema kekeluargaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan deiksis dalam novel ini diaplikasikan dengan baik. Kajian ini membantu meningkatkan pemahaman mengenai bidang pragmatik khususnya deiksis di Malaysia sekali gus mampu menambah bilangan kajian deiksis yang sedia ada di Malaysia sebagai rujukan tambahan.

Kata kunci: Pragmatik, novel, deiksis, teori, dialog.

PENGENALAN

Bidang pragmatik kini sudah tidak asing lagi dalam pembangunan aliran pendidikan. Bidang ini berkembang sejajar dengan arus keperluan individu untuk lebih memahami keindahan struktur dan makna bahasa. Berbeza dengan pandangan terhadap bidang pragmatik pada era 70-an yang dianggap kurang signifikan dan jarang sekali dibahaskan (Abdurrahman, 2011). Bahasa merupakan sesuatu yang abstrak namun bahasa juga boleh dilihat dari sudut bidang yang berbeza. Setiap bidang mempamerkan bahasa mengikut kesesuaian penggunaannya. Begitu juga dengan bidang pragmatik yang mengkaji mengenai makna tersirat atau cara seseorang individu memahami maksud yang ingin disampaikan oleh lawan tutur walaupun perkataan tersebut tidak diutarakan atau ditulis dengan jelas (Yule, 2010). Selain itu, Levinson (1983) mendefinisikan pragmatik

sebagai kajian tentang hubungan antara bahasa dan konteks yang menjadi asas kepada pemahaman bahasa tersebut. Oleh itu, bidang ini bukan sahaja melihat kepada makna perkataan atau ujaran semata-mata tetapi turut menitikberatkan perkaitannya dengan konteks.

Deiksis pula merupakan salah satu cabang yang penting dalam bidang pragmatik. Yule (2017), deiksis merupakan perkataan daripada Greek yang merujuk kepada “petunjuk” melalui bahasa. Menurut Levinson (1983), deiksis adalah cara bahasa tersebut diperkatakan dan cara bahasa tersebut melengkapinya konteks ujaran. Nika Ardiana (2016) mengatakan bahawa deiksis merupakan penanda yang tidak tetap dalam bahasa dan bergantung kepada penutur serta keadaan semasa kata-kata tersebut diujarkan. Amelia Maharani Azmin (2018) pula berpendapat bahawa deiksis perlulah difahami dengan lebih mendalam kerana setiap deiksis membawa petunjuk dan makna yang berlainan berdasarkan konteks yang berbeza. Oleh itu, deiksis tidak mempunyai suatu peraturan tetap terhadap penggunaannya tetapi diaplikasikan mengikut kesesuaian konteks semasa ayat tersebut diutarakan atau dituliskan.

Deiksis bukan sahaja dapat dikenal pasti dalam pertuturan seharian malah deiksis juga turut diaplikasikan dalam penulisan. Takrifan penulisan itu sendiri dapat dilihat dari pelbagai sudut pandangan. Penulisan boleh terdiri daripada penulisan perbualan harian melalui mesej pesanan ringkas, perbualan di ruang sosial media dan karya-karya penulisan seperti cerpen, novel, puisi dan sebagainya. Menurut A. Wahab Ali (2012), perkembangan novel di nusantara adalah impak daripada penjajahan Belanda dan Inggeris suatu ketika dahulu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Nursham (2015), mengatakan bahawa novel kebiasaannya dihasilkan berdasarkan realiti kehidupan masyarakat, disusuri dengan bahasa yang indah dan gambaran yang jelas plot penceritaan yang relevan dengan budaya serta emosi pembaca. Oleh yang demikian, penggunaan deiksis dalam penulisan novel sememangnya bukan sesuatu yang asing namun jika penggunaannya dikaji secara mendalam, pemahaman berkaitan dengan pengetahuan tentangnya akan menjadi lebih baik.

PERNYATAAN MASALAH

Penyelidikan mengenai bahasa kini semakin meningkat seiring dengan kesedaran masyarakat tentang kepentingan bahasa. Namun begitu, penyelidikan berkaitan dengan bahasa bukanlah sesuatu yang mudah. Pemahaman yang mendalam diperlukan bagi menghasilkan kajian bahasa yang baik. Tambahan pula, cara penggunaan bahasa adalah luas yang bermaksud bahasa boleh dilihat dari pelbagai sudut bidang. Hal ini mencetuskan satu permasalahan pada pandangan pengkaji, iaitu tidak kesemua individu yang menceburi bidang bahasa akan mahir dan pakar dalam setiap cabang bahasa. Oleh yang demikian, penghasilan kajian juga akan mengikut kepakaran dan keselesaan masing-masing.

Rentetan daripada hal tersebut, terdapat beberapa cabang dalam bidang bahasa seperti pragmatik khususnya deiksis kurang mendapat perhatian pengkaji-pengkaji tempatan untuk dijadikan sebagai tunjang kajian. Hal ini dapat dibuktikan apabila kebanyakan kajian mengenai deiksis dijalankan oleh pengkaji luar negara terutamanya Indonesia. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diperoleh, hanya terdapat satu kajian tempatan yang dijalankan mengenai deiksis, iaitu Nurul Shahida Jamil, et. al., (2016) “Deiksis Sosial dalam Interaksi Masyarakat Melayu Kedah” dan kajian-kajian daripada Indonesia seperti Walset Tologana (2016), kajian deiksis dalam novel “Assalamualaikum Beijing”, Nika Ardiana (2016) yang menganalisis deiksis tempat dan waktu dalam Novel Surga Retak, Amelia Maharani (2018) membincangkan jenis-jenis deiksis yang terdapat dalam novel Surga Yang Tak Dirindukan dan Putri Jayati (2018), kajian deiksis sosial dalam novel Rembulan Tenggelam Di Wajamu.

Seterusnya, berdasarkan kesemua kajian lepas yang diperoleh, pengkaji mendapati kebanyakan kajian memfokuskan kajian mereka kepada beberapa jenis deiksis sahaja. Antara jenis deiksis yang menjadi tumpuan pengkaji ialah deiksis sosial, deiksis masa dan deiksis tempat. Analisis dan dapatan daripada kajian-kajian yang membataskan jenis deiksis tersebut sememangnya terperinci dan baik namun jika tiada penghadan jenis deiksis dalam kajian tersebut, dapatan kajian akan menjadi lebih padat dan menyeluruh. Hal ini demikian kerana, kebiasaannya novel sarat dengan konteks yang berbeza dan penceritaan yang berkembang. Hal ini menjadikan peluang untuk melihat kesemua jenis deiksis dalam sesebuah novel adalah tinggi. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk mengkaji novel 9 Nyawa ini berdasarkan kesemua jenis deiksis.

Pengkaji mengamati tidak banyak kajian di Malaysia yang menjadikan novel tempatan sebagai bahan kajian khususnya untuk kajian deiksis. Contohnya, kajian Nurul Shahida Jamil, et. al., (2016) menggunakan rakaman perbualan masyarakat Melayu Kedah sebagai bahan kajian. Berbeza pula dengan kajian daripada Indonesia yang lebih cenderung untuk menggunakan novel karya orang Indonesia kerana lebih mudah difahami dan sesuai dengan kehidupan seharian mereka. Perkara ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini menggunakan novel tempatan, iaitu 9 Nyawa karya penulis novel Malaysia, Ramlee Awang Murshid. Ramlee Awang Murshid merupakan seorang penulis terkenal dalam penghasilan novel-novel yang berkualiti. Beliau juga merupakan novelis seram (thriller) pertama di Malaysia. Pelbagai anugerah telah diperoleh oleh beliau menerusi karya novelnya seperti Naib Juara bagi novel *Igauan Maut* (1995) dalam Penulisan Novel Dewasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Naib Juara untuk novel *Pei Pan* oleh Sako Novel National Award 2002, Anugerah Sastera Sabah 2004/2005 menerusi novel *Pei Pan* dan banyak lagi. Bahan kajian pengkaji, iaitu novel 9 Nyawa juga telah meraih Anugerah Buku Negara 2012 (Kategori Novel Remaja).

OBJEKTIF KAJIAN

- a. Mengenal pasti jenis-jenis deiksis yang terdapat dalam novel 9 Nyawa.
- b. Menganalisis penggunaan jenis-jenis deiksis dalam novel 9 Nyawa.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian Pengkaji dalam Negara

Kajian “Novel-Novel Zailiani Taslim Analisis Kehendak Remaja” dan “Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia” oleh Halis Azhan, (2002 & 2014). Kajian ini tidak mencakupi bidang pragmatik namun kajian ini menjelaskan aspek yang signifikan dalam kajian pengkaji, iaitu berkaitan novel. Hal ini kerana, fokus bahan kajian pengkaji ialah novel dan pemahaman mengenai novel itu sendiri memainkan peranan dalam melaksanakan kajian ini. Kajian ini menganalisis aspek-aspek yang terdapat dalam novel seperti watak dan perwatakan, nilai, tindakan dan elemen yang perlu ada dalam penghasilan sesebuah karya novel. Berdasarkan kajian ini, pengkaji sedikit sebanyak dapat mengetahui unsur-unsur di dalam novel sekali gus memberikan gambaran yang baik dalam mendefinisikan novel itu sendiri. Pemahaman berkaitan dengan aspek novel membantu pengkaji mencari data dan menyesuaikan dengan skop kajian pengkaji, iaitu deiksis.

Kajian oleh Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof dan Karim Harun, (2016), iaitu “Diekisis Sosial dalam Interaksi Masyarakat Melayu Kedah”. Kajian ini mengkaji mengenai deiksis sosial berdasarkan teori Huang (2014). Pengkaji berpendapat deiksis sosial sangat berkait rapat dengan

deiksis orang yang diujarkan melalui kata ganti nama diri. Hal ini sekali gus mempamerkan tahap hubungan, pangkat atau kemesraan (deiksis sosial) penduduk kampung yang dikaji di Kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, Daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengkategorian tahap keakraban penduduk kampung tersebut juga dilakukan secara teliti kerana berdasarkan pertuturan masyarakat Kedah, cara penggunaan kata ganti nama diri adalah berbeza mengikut norma masyarakat dan konteksnya. Misalnya, kata ganti nama diri “kami” kebiasaannya difahami dan merujuk kepada lebih daripada satu orang. Namun begitu, segelintir masyarakat Kedah menggunakan “kami” sebagai “aku” supaya kelihatan lebih sopan apabila bertutur dengan individu lain yang tidak terlalu akrab atau seseorang yang lebih dihormati. Hal ini seterusnya mempamerkan deiksis sosial antara penutur tersebut.

Kajian Pengkaji Luar Negara

Kajian “Pragmatik; Konsep Dasar Memahami Konteks Tuturan” oleh Abdrurrahman (2011) yang mengetengahkan dengan terperinci mengenai bidang pragmatik. Pengkaji meneliti bidang pragmatik dengan membandingkan beberapa teori yang berkaitan antaranya Levinson (1983), Leech (1983) dan Jenny Thomas (1983). Berdasarkan teori-teori tersebut, pengkaji menemukan beberapa perbezaan pandangan. Misalnya, bidang pragmatik dilihat sebagai bidang yang menyempitkan makna pada permulaannya tetapi Levinson (1983) mengatakan bahawa pragmatik turut berhubung dengan konteks (secara meluas). Leech (1983) pula mengetengahkan pragmatik umum yang bukan melihat sudut konteks semata-mata tetapi perbezaan konteks berdasarkan kesantunan masyarakat itu sendiri. Hal ini kerana budaya masyarakat adalah berbeza-beza. Tambahan pula, Leech (1983) mengatakan pragmatik umum yang merangkumi dua cabang, iaitu sosiopragmatik dan pragmalinguistik adalah saling berkaitan. Namun begitu, Jenny Thomas (1983) menolak pandangan tersebut kerana masalah pragmalinguistik berlaku kerana masalah bahasa manakala masalah sosiolinguistik oleh sebab ketidaksesuaian konteks. Hal ini kerana, berkemungkinan sesuatu ayat tidak salah dari segi makna dan bahasanya namun kurang sesuai dengan konteks. Oleh itu, tidak semestinya salah penggunaan konteks turut menunjukkan kesalahan dari segi bahasa.

Kajian “Analisis Deiksis dalam Novel Surga Yang Tak Dirindukan: Kajian Pragmatik” oleh Amelia Maharani (2018). Pengkaji melakukan kajian berdasarkan pengupasan mengenai deiksis oleh Levinson (1983) yang membahagikan deiksis kepada lima jenis, iaitu deiksis persona, waktu, ruang, sosial dan wacana. Berdasarkan penganalisisannya terhadap novel Surga Yang Tidak Dirindukan, pengkaji merumuskan bahawa terdapat 232 deiksis secara keseluruhannya. Jenis deiksis yang paling banyak ialah deiksis persona, iaitu 154. Tambahan pula, pengkaji telah mengkategorikan deiksis persona ini berdasarkan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga yang berbentuk tunggal atau jamak.

Seterusnya merupakan kajian ““Deiksis” dalam Nazam Tarekat Karya K.H. Ahmad Ar-Rifai Kalisalak Tinjauan Pragmatik” oleh Darsita Suparno (2016). Pengkaji ini merujuk buku yang ditulis oleh Saeed (2000) yang membahagikan deiksis kepada deiksis tempat atau spasial, deiksis persona dan deiksis sosial. Namun begitu, pengkaji tidak hanya menganalisis bahan kajian menggunakan tiga jenis deiksis itu sahaja malah pengkaji turut mengupas elemen lain, iaitu referensi dan konteks. Penambahan elemen ini adalah untuk melihat maksud dan hubungan penggunaan deiksis yang didapati dalam puisi tersebut. Secara keseluruhannya, terdapat 46 deiksis yang terdiri daripada deiksis tempat, persona dan sosial. Tambahan pula, pengkaji turut membincangkan dengan lebih mendalam mengenai deiksis sosial melalui perkaitannya dengan referensi dan konteks. Menurut pengkaji, deiksis ini boleh berubah-ubah referensinya melihat kepada konteks serta status penutur dan lawan tutur.

Kajian “Deiksis pada Novel *Charlotte’s Web* Karya E. B. White: Kajian Pragmatis” oleh Dea Isgoentiar (2012). Pengkaji menjalankan kajian ini berdasarkan teori pragmatik mengenai deiksis, yaitu oleh Yule (1996). Kajian ini menganalisis kesemua jenis deiksis berdasarkan dialog-dialog antara watak yang terdapat dalam novel dan memahami konteks semasa perbualan tersebut berlangsung. Selain itu, pengkaji membuat kelainan dalam penganalisisannya dengan membahagikan setiap jenis deiksis mengikut sifat rujukannya, iaitu anafora dan katafora. Pertama, pengkaji mengklasifikasikan deiksis mengikut jenisnya kemudian pengkaji melihat konteks keseluruhan dialog tersebut. Seterusnya, pengkaji meneliti penggunaan anafora (penerangan rujukan dapat dilihat sebelum deiksis) dan katafora (penerangan rujukan yang dinyatakan selepas deiksis) dalam dialog-dialog tersebut sekali gus mengkategorikan jenis deiksis dalam kategori sifat rujukannya sama ada anafora atau katafora. Kesimpulannya, pengkaji mendapati 3 jenis deiksis yang hadir dalam novel tersebut ialah deiksis persona, tempat dan waktu. Berdasarkan dapatan kajian, jenis deiksis yang paling banyak ialah deiksis persona dan penggunaan sifat rujukan yang paling tinggi bagi keseluruhan jenis deiksis ialah anafora.

Kajian yang seterusnya ialah kajian yang bertajuk “Analisis Penggunaan Deiksis Tempat dan Waktu dalam Novel *Surga Retak* Karya Syahmedi Dean” oleh Nika Ardiana (2016). Kajian ini menggunakan teori pragmatik oleh Yule (2006) dan Djsjssadurma (2009). Kedua-dua teori ini membahagikan deiksis kepada 3 jenis, iaitu deiksis persona, tempat dan waktu. Namun begitu, pengkaji membataskan kajiannya dengan menganalisis dua jenis deiksis sahaja, iaitu deiksis tempat dan waktu. Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati beliau mengklasifikasikan dialog-dialog dalam jenis deiksis yang bersesuaian, iaitu deiksis tempat dan waktu. Seterusnya pengkaji mengembangkan analisis kajian dengan membahagikan deiksis tersebut mengikut petunjuknya sebagai contoh deiksis tempat dengan petunjuk “di sini”, “di sana”, “di situ” dan lain-lain. Deiksis waktu pula dibahagikan mengikut petunjuk seperti “nanti”, “tadi”, “sekarang” dan sebagainya. Kesimpulannya, keseluruhan jumlah deiksis yang paling banyak dalam novel ini ialah deiksis tempat dengan 193 deiksis manakala deiksis waktu pula adalah sebanyak 180 deiksis.

Seterusnya kajian “Deiksis Persona, Tempat, dan Waktu dalam Novel *Pulang* Karya Tere Liye (Kajian Pragmatik) dan Relevansinya dengan Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA” oleh Prastuti Kesumawardani (2017). Pengkaji mengklasifikasikan deiksis kepada 5 jenis, iaitu deiksis persona, tempat, waktu, sosial dan wacana (Nababan, 1987). Namun begitu, kajian ini dibataskan dengan mengkaji tiga jenis deiksis sahaja, iaitu deiksis persona, tempat dan waktu. Tambahan pula, seiring dengan penganalisisannya mengenai deiksis, pengkaji turut melihat sudut korelevanan penggunaan deiksis novel tersebut untuk diterapkan dalam pembelajaran menulis teks drama yang lebih efektif bagi subjek Bahasa Indonesia di SMA. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan jumlah keseluruhan deiksis yang terdapat dalam novel ini ialah sebanyak 685 deiksis. Deiksis persona mencatatkan jumlah paling banyak dengan 631 deiksis seterusnya diikuti oleh deiksis waktu sebanyak 33 deiksis dan 21 deiksis tempat.

Kajian “Deiksis Sosial dalam Novel *Rembulan Tenggelam di Wajahmu* Karya Tere Liye, Suatu Kajian Pragmatik” oleh Putri Jayati (2018). Berdasarkan kajian ini, pengkaji tidak menyatakan teori atau pendekatan khusus yang digunakan sebagai rujukan kajian. Pengkaji membuat penelitian berkenaan dengan bidang pragmatik dan deiksis namun pemilihan teori untuk kajian pengkaji adalah secara menyeluruh. Kajian ini dilakukan dengan membataskan skop kajian kepada deiksis sosial sahaja. Tambahan pula, deiksis sosial ini dikembangkan lagi dengan pengklasifikasian yang terperinci, iaitu deiksis sosial jenis gelar, jenis jabatan, jenis profesi dan jenis julukan. Rujukan pengklasifikasian jenis deiksis sosial ini tidak dinyatakan oleh pengkaji. Hasil analisis menunjukkan terdapat 261 jumlah deiksis sosial secara keseluruhan. Deiksis sosial jenis gelar mencatatkan jumlah yang paling banyak, iaitu 92 deiksis (35.24%), seterusnya diikuti

deiksis sosial jenis julukan sebanyak 82 deiksis (31.41%) manakala jumlah deiksis sosial jenis profesi pula ialah 77 deiksis (29.50%). Jumlah jenis deiksis sosial yang paling rendah ialah 10 deiksis (0.38%), iaitu jenis jabatan.

Seterusnya ialah kajian “Analisis Deiksis dalam Novel *The Case Book Of Sherlock Holmes* Karya Sir Arthur Conan Doyle dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa dan Sastra di SMK” oleh Rr. Sulistyawati & Hazalia Zahra Muni (2018). Kajian ini menggunakan teori Purwo (1984) yang mengetengahkan deiksis dalam beberapa bentuk, iaitu pronominal persona tunggal pertama, pronominal persona tunggal kedua, pronominal persona tunggal ketiga, pronominal persona jamak pertama, pronominal persona jamak kedua, pronominal persona jamak ketiga, pronominal ruang, pronominal waktu, anafora, dan katafora. Pengkaji memilih untuk mengkaji kesemua bentuk deiksis tersebut. Berdasarkan hasil analisis kajian, pengkaji merumuskan terdapat 2,287 bentuk deiksis secara keseluruhan. Selain itu, bentuk deiksis yang mempunyai jumlah paling banyak ialah bentuk pronominal persona pertama tunggal sebanyak 574 deiksis manakala jumlah bentuk deiksis terendah ialah 7 deiksis, iaitu bentuk pronominal persona kedua jamak.

Terakhir, kajian “Deiksis dalam Novel “Assalamualaikum Beijing” Karya Asma Nadia” oleh Walset Tologana (2016). Teori yang diaplikasikan oleh pengkaji ialah teori daripada Purwo (1984) dan Putrayasa (2014). Kedua-dua teori ini mengklasifikasikan jenis deiksis kepada lima bahagian, iaitu deiksis persona, tempat, waktu, wacana dan sosial. Pengkaji mengkategorikan deiksis persona kepada beberapa bahagian, iaitu deiksis persona pertama, kedua dan ketiga dan persona pertama dengan persona kedua, persona pertama tanpa persona kedua, persona kedua lebih dari satu dan persona ketiga lebih dari satu. Selain itu, deiksis tempat pula diperincikan kepada 3 bahagian, iaitu lokatif, demonstratif dan temporal. Hasil kajian mendapati novel “Assalamualaikum Beijing” mempunyai 341 jumlah deiksis. Jumlah deiksis yang paling banyak merupakan deiksis persona dengan catatan 243 deiksis dan diikuti dengan deiksis tempat sebanyak 61 deiksis. Seterusnya, jumlah deiksis wacana ialah 20 deiksis manakala deiksis waktu pula sebanyak 15 deiksis. Jenis deiksis dengan jumlah yang terendah, iaitu 2 deiksis ialah deiksis sosial.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang telah dikumpul, terdapat 3 kajian pengkaji dalam negara dan 9 kajian pengkaji luar negara. Namun begitu, satu kajian sahaja mengenai deiksis yang dihasilkan oleh pengkaji dalam negara, iaitu kajian daripada Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof dan Karim Harun (2016) yang mengkaji deiksis dalam perbualan harian masyarakat Melayu Kedah manakala 2 kajian dalam negara yang lain mengetengahkan bidang penulisan novel secara menyeluruh. Rentetan daripada perkara tersebut, pengkaji mendapati bahawa kajian tentang deiksis kurang dijalankan di Malaysia. Meskipun terdapat banyak kajian bidang pragmatik dihasilkan oleh pengkaji tempatan, namun pengkhususan dalam deiksis adalah kurang. Oleh itu, kajian deiksis dalam kalangan pengkaji tempatan mestilah dikembangkan dengan lebih luas untuk dijadikan rujukan pengkaji yang akan datang. Perkembangan kajian deiksis di Malaysia juga mampu memberikan suatu sudut pandangan yang berbeza dengan pandangan daripada pengkaji luar negara. Rentetan daripada itu, pengkaji-pengkaji lain dapat membuat perbandingan sekali gus menambah baik kajian yang sedia ada.

Seterusnya, pengkaji mendapati antara kesemua kajian lepas tersebut, satu kajian sahaja yang menggunakan Teori Pragmatik Levinson (1983), iaitu kajian Amelia Maharani (2018). Teori ini menerangkan bidang pragmatik secara menyeluruh dan mengupas mengenai deiksis secara terperinci. Menurut Levinson (1983), deiksis terbahagi kepada lima jenis deiksis, iaitu deiksis persona, waktu, tempat, sosial dan wacana. Oleh itu, kajian ini menjadi rujukan utama pengkaji kerana pemilihan teori yang sama dan pengupasan mengenai deiksis adalah sangat jelas dan terperinci. Selain itu, kebanyakan kajian dihasilkan oleh pengkaji negara Indonesia maka pemilihan teori-teori atau pendekatan mengenai deiksis adalah lebih menjurus kepada hasil pengkaji negara

mereka sendiri. Misalnya, pengupasan mengenai deiksis oleh Saeed (2000), Djsjssadurma (2009), Purwo (1984) dan Nababan (1987). Hal ini demikian kerana, aspek-aspek dalam teori tersebut lebih sesuai dengan bahan kajian pengkaji, iaitu novel yang turut dihasilkan oleh penulis negara mereka.

Berdasarkan pengamatan pengkaji, tidak kesemua kajian menganalisis setiap jenis deiksis. Hal ini kerana, terdapat kajian yang hanya mengkaji deiksis sosial sahaja meskipun teori yang digunakan oleh pengkaji mengupas jenis-jenis deiksis secara menyeluruh. Misalnya, kajian Shahida Jamil, Maslida Yusof dan Karim Harun (2016) yang hanya membincangkan jenis deiksis sosial walaupun Huang (2014) telah mengklasifikasikan deiksis kepada beberapa jenis. Namun begitu, kajian tersebut relevan kerana fokus kajian melibatkan perbualan harian sosial masyarakat Melayu Kedah. Berbeza pula dengan kajian daripada Prastuti (2017) yang menekankan 3 deiksis sahaja, iaitu deiksis persona, tempat dan waktu meskipun teori Nababan (1987) yang digunakan oleh pengkaji mengetengahkan lima jenis deiksis antaranya deiksis persona, tempat, waktu, sosial dan wacana. Analisis data kajian ini amat baik namun jika pengupasan kesemua jenis deiksis tersebut dijalankan, dapatan kajian pengkaji akan menjadi lebih terperinci dan menyeluruh. Perkara ini mampu dilaksanakan kerana novel kebiasaannya terdiri daripada penceritaan yang pelbagai dan luas.

Seterusnya, pengkaji mendapati perbincangan atau analisis dapatan kajian antara kajian tersebut terdapat beberapa perbezaan. Hal ini disebabkan oleh penggunaan teori atau pendekatan yang berbeza bagi setiap pengkaji. Setiap teori mengetengahkan pemahaman yang berlainan misalnya Levinson (1983) mengatakan deiksis terbahagi kepada lima jenis, iaitu deiksis persona, deiksis orang (persona), tempat, waktu, sosial dan wacana manakala Yule (1996) pula mengatakan deiksis terdiri daripada deiksis persona, tempat dan waktu. Selain itu, perbezaan juga dapat dilihat dengan ketara apabila teori daripada pengkaji Indonesia menggunakan pengkategorian yang khusus bagi deiksis persona dan deiksis sosial. Contohnya, kebanyakan kajian Indonesia mengkategorikan deiksis persona kepada kata ganti nama diri dalam bentuk tunggal dan jamak manakala deiksis sosial pula terdapat beberapa jenis, iaitu jenis gelar, jenis jabatan, profesi dan julukan. Namun begitu, perbezaan ini tidak menjadi suatu masalah kerana penganalisan data masih tepat dan bersesuaian.

Terakhir, penggunaan teori yang tepat dan khusus adalah amat signifikan bagi memastikan teori tersebut sesuai untuk dijadikan rujukan penganalisan data malah perbincangan kajian juga akan lebih sistematik. Namun begitu, terdapat satu kajian yang tidak menyatakan pengkhususan teori yang digunakan, iaitu kajian Putri Jayati (2018). Berdasarkan bab kerangka teori kajian tersebut, pengkaji mendapati kajian tersebut dilaksanakan berdasarkan pemahaman pengkaji sendiri berdasarkan beberapa teori dan pendekatan. Tiada penjelasan yang jelas mengenai teori yang digunakan menimbulkan sedikit kekeliruan kepada pembaca. Hal ini demikian kerana, pengklasifikasian atau penerangan mengenai deiksis tersebut tidak dapat diketahui dengan jelas sumbernya. Tambahan pula, hal ini boleh menyebabkan sedikit kesulitan kepada pembaca untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan teori atau pendekatan tersebut kerana ketidakjelasan pengkhususan pengaplikasian teori terhadap data kajian.

METODOLOGI

Bab metodologi kajian ini merupakan bahagian yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana, bab ini mengetengahkan cara sesebuah kajian dijalankan bermula daripada reka bentuk kajian yang merangkumi kaedah pengumpulan data kajian dan cara pengkaji menganalisis dan membincangkan data tersebut. Seterusnya pengkaji memilih teori yang bersesuaian untuk diaplikasikan terhadap bahan kajian. Metodologi kajian

menjadi aspek signifikan dalam memastikan kajian dijalankan secara sistematik, terarah dan menyeluruh.

REKA BENTUK KAJIAN

Kualitatif Deskriptif

Menurut Taylor, Bogdan & DeVault (1950), kaedah kualitatif dalam bidang penyelidikan membawa kepada data deskriptif yang merupakan hasil tulisan atau pertuturan dan pengamatan tingkah laku seseorang individu. Patton dalam Kamarul Azmi Jasmi (2012) mengatakan salah satu jenis data kualitatif ialah bahan bertulis seperti petikan, dokumen, rakaman dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji menjadikan kaedah kualitatif deskriptif sebagai panduan asas pelaksanaan kajian kerana bahan kajian pengkaji merupakan bahan bertulis hasil daripada penulisan novel fiksiyen seorang penulis tempatan. Tambahan pula, kaedah kualitatif deskriptif ini bertujuan untuk memahami dan menerangkan sesuatu dengan lebih mendalam tentang sesuatu fokus kajian.

Bahan Kajian

Pengkaji memilih Novel 9 Nyawa karya Ramlee Awang Murshid sebagai bahan kajian. Novel ini diterbitkan pada tahun 2010 oleh Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd dan telah dicetak sebanyak 10 kali. Cetakan yang terbaru ialah pada tahun 2019 dan hal ini membuktikan bahawa karya novel beliau sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pembaca kerana novel tersebut masih dicetak untuk beberapa edisi baru sejak awal penerbitannya.

Pengkaji memilih untuk mengkaji novel 9 Nyawa ini atas beberapa faktor, iaitu pengkaji mendapati novel ini masih belum dikaji oleh mana-mana pengkaji lain. Selain itu, novel ini juga memaparkan kisah yang berbeza dengan kebanyakan novel lain. Novel ini mengetengahkan unsur seram, saspens, kekeluargaan, ujian hidup, kerjaya dan percintaan. Tidak seperti kebanyakan penulis novel lain yang giat menghasilkan novel cinta, beliau menulis sebuah novel dengan penerapan konsep di luar jangkauan pembaca, iaitu mengenai anugerah Tuhan yang luar biasa dan tidak tercapai dek akal. Konsep-konsep ini menjadikan novel beliau mempunyai keistimewaan tersendiri. Meskipun tidak banyak watak yang digunakan dalam novel 9 Nyawa ini, namun kehadiran watak-watak ini sudah cukup untuk mencipta konflik dan mengembangkan penceritaan. Hal ini sekali gus memudahkan pengkaji untuk memahami jalan ceritanya.

Novel ini mengisahkan insan-insan yang mempunyai keistimewaan luar biasa anugerah Tuhan. Namun, keistimewaan tersebut mula dirasai setelah berlaku ujian hidup yang dahsyat. Intan Suryani merupakan anak tunggal kepada pasangan ahli perniagaan, Sanusi dan Azizah. Mereka sekeluarga terlibat dalam kemalangan yang ngeri dan kemalangan tersebut telah meragut nyawa ayahnya, Sanusi. Sejak peristiwa kemalangan itu, ibunya mempercayai bahawa Intan Suryani mempunyai 9 nyawa seperti mitos nyawa kucing. Hal ini kerana Azizah sering kali mendapat petunjuk melalui mimpinya malah sewaktu kemalangan ngeri itu juga, seekor kucing misteri menghampiri Intan Suryani yang tidak sedarkan diri. Kepercayaan Azizah semakin kuat apabila sudah banyak kali Intan Suryani terselamat daripada peristiwa yang mengancam nyawa. Azizah menjadi paranoid dan mengongkong kehidupan Intan Suryani serta sentiasa mengira bilangan nyawa anaknya yang masih bersisa. Hakim pula menjadi buta selepas terlibat dalam suatu kejadian yang telah membunuh kedua ibu bapanya. Hakim kini bersendirian membesarkan adiknya, Shauqi. Waktu berlalu dan Hakim mendapati dia mempunyai kelebihan mendengar suara orang pada ambang kematian, iaitu hidup antara dua alam (koma). Kisah Hakim dan Intan Suryani bermula

apabila Intan Suryani koma dan mereka berhubung melalui keistimewaan luar biasa Hakim. Pertemuan mereka merungkai pelbagai persoalan apabila setiap peristiwa dan kenalan mereka adalah saling berkaitan.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah ini merupakan langkah yang penting kerana sumber dan data yang diperlukan bagi melengkapkan sesebuah kajian perlu dikumpul terlebih dahulu sebelum kajian diteruskan kepada penganalisan dan perbincangan dapatan kajian. Kaedah pengumpulan data ini dibahagikan kepada dua, iaitu kaedah kepustakaan yang mengumpul sumber-sumber berkaitan dengan bidang kajian manakala kaedah analisis teks pula khusus dalam mendapatkan data daripada bahan kajian pengkaji untuk dianalisis dalam bab yang seterusnya.

Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini merupakan kaedah pengkaji membuat carian tentang sumber-sumber yang berkaitan dengan teori dan bidang yang ingin dianalisis. Pengkaji merujuk sumber-sumber tersebut untuk dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan dan menguatkan pemahaman pengkaji terhadap teori dan aspek yang ingin diaplikasikan. Misalnya, pengkaji merujuk jurnal-jurnal dan buku-buku berkaitan dengan deiksis dan pragmatik. Selain itu, sumber-sumber ini bukan sahaja dalam bentuk fizikal seperti buku malah sumber ini boleh didapati daripada laman sesawang yang dipercayai misalnya kajian-kajian daripada laman sesawang khas institusi pengajian tinggi. Tambahan pula, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan gambaran yang lebih luas terhadap skop kajian.

Kaedah Analisis Teks

Kaedah analisis teks diaplikasikan berdasarkan bahan kajian pengkaji. Kaedah ini menganalisis bahan kajian bertulis yang terdiri daripada pelbagai bentuk antaranya, buku, dokumen, lirik lagu, surat dan sebagainya. Analisis ini dibuat dengan memahami dan meneliti isi kandungan teks tersebut seterusnya mendapatkan data yang diperlukan dalam sesebuah kajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menganalisis teks berbentuk dialog daripada watak-watak utama dalam bab-bab yang telah dibataskan. Penganalisan yang baik terhadap teks tersebut akan memberikan data yang berkualiti kepada pengkaji sekali gus membantu pengkaji untuk menghuraikan dapatan dengan jelas berdasarkan teori yang telah dipilih.

KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Sesebuah kajian mestilah mempunyai kaedah penganalisan data yang baik dan jelas agar mudah untuk difahami oleh pembaca. Oleh itu, pengkaji memulakan penganalisan data dengan menyusun kesemua data yang diperoleh dalam bentuk jadual. Hal ini memudahkan pengkaji untuk mengkategorikan data-data tersebut mengikut kesesuaiannya. Misalnya, setiap deiksis yang ditemukan di dalam dialog novel tersebut dijadualkan kemudian pengkaji mengklasifikasikan mengikut jenisnya, iaitu deiksis persona, tempat, waktu, sosial dan wacana.

Seterusnya, setelah deiksis dibahagikan mengikut jenisnya, pengkaji mengira jumlah keseluruhan bagi setiap jenis deiksis tersebut dan disertakan dengan peratusan. Perkara ini memudahkan pengkaji untuk melihat jumlah jenis deiksis yang tertinggi dan terendah. Data yang

dipersembahkan dalam bentuk jumlah dan peratusan akan menjadikan data tersebut lebih kemas dan sistematik. Tambahan pula, cara ini membuatkan data mudah untuk dibaca kerana pembaca tidak perlu mengulangi pembacaan untuk mengetahui jumlah deiksis-deiksis tersebut. Oleh sebab itu, pengkaji memilih untuk menyertakan jumlah dan peratusan bagi data-data tersebut.

Terakhir, pengkaji menganalisis data dengan menghuraikan makna data tersebut dengan lebih terperinci. Berdasarkan deiksis yang telah dijadualkan, pengkaji membuat penerangan yang lebih jelas mengenai makna yang ingin disampaikan dan kesesuaiannya dengan konteks. Huraian kepada deiksis-deiksis itu akan memberikan pemahaman yang lebih jelas kerana huraian tersebut bukan sahaja menjelaskan mengenai kata kunci deiksis dalam dialog-dialog malah mengaitkannya dengan konteks secara menyeluruh. Hal ini bertepatan dengan bidang pragmatik yang mengaitkan setiap cabangnya dengan konteks. Hal ini demikian kerana, penjelasan sesuatu deiksis tanpa konteks adalah tidak lengkap.

DAPATAN KAJIAN

JENIS DEIKSIS	JUMLAH DEIKSIS	PERATUSAN (%)
Deiksis Orang	587	44.81
1. Kata Ganti Nama Diri Pertama	398	30.38
2. Kata Ganti Nama Diri Kedua	132	10.08
3. Kata Ganti Nama Diri Ketiga	57	4.35
Deiksis Tempat	168	12.82
Deiksis Waktu	213	16.26
Deiksis Sosial	298	22.75
Deiksis Wacana	44	3.36
1. Anafora	30	2.29
2. Katafora	14	1.07
	1,310	100%

PENGANALISISAN:

DEIKSIS ORANG

Kata Ganti Nama Diri Pertama “Saya”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
14	105	K1	Intan Suryani	<i>‘Tak apa... saya naik teksi saja.’</i>
28	196	K2	Hakim	<i>‘Orang tua saya di... dibunuh.’</i>

Dialog dalam K1 dituturkan oleh Intan Suryani kepada kekasihnya, Khairil. “**Saya**” yang dimaksudkan oleh Intan Suryani merujuk dirinya sendiri apabila berbicara dengan Khairil. Intan mengatakan bahawa dia akan menaiki teksi sahaja kerana bimbang ibunya akan terserempak dengan Khairil jika Khairil menghantarnya pulang. Hal ini kerana ibunya tidak menyukai Khairil. Dialog Hakim dalam K2 pula diujarkan kepada Dr. Sipon, seorang pensyarah. Hakim membahaskan dirinya sendiri menggunakan “**saya**” sebagai tanda berbudi bahasa dengan orang

yang lebih berpengalaman. Hakim menjelaskan kepada Dr. Sipon bahawa ingatannya sudah pulih dan memori mengenai orang tuanya dibunuh kini kembali.

Kata Ganti Nama Diri Pertama “Kami”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
43	297	1 (K1)	Intan Suryani	“Selama Khairil ke Turki, banyak kejadian buruk menimpa Intan dan mama. Kenapa semua berlaku... kami pun tak tahu.”
46	324	2 (K2)	Hakim	“Dibandingkan dengan Dr. Karen, kami jauh panggang dari api.”

K1 menunjukkan dialog yang dituturkan oleh Intan Suryani kepada kekasihnya, Khairil. Intan Suryani menggunakan “**kami**” yang merujuk dirinya dan juga ibunya, Azizah semasa bercerita mengenai kejadian pencerobohan rumahnya. Intan Suryani meluahkan perasaan bahawa dia dan ibunya sering ditimpa kejadian buruk dan mereka tidak tahu akan puncanya. Seterusnya, dialog dalam K2 diujarkan oleh Hakim kepada rakan sekerjanya, Salamah. “**Kami**” yang dimaksudkan Hakim dalam dialog tersebut ialah dirinya dan Dr. Karen. Salamah mendesak Hakim supaya memberitahu status hubungannya dengan Dr. Karen kerana Salamah menyimpan perasaan terhadap Hakim. Hakim berkata jujur kepada Salamah bahawa dia dan Dr. Karen hanya kawan biasa sahaja malah Hakim sedar akan keadaan dirinya yang buta dan sememangnya tidak layak untuk Dr. Karen.

Kata Ganti Nama Diri Pertama “Kita”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
28	194	1 (K1)	Intan Suryani	“Rumah kita selamat sekarang, mama.”
22	158	2 (K2)	Hakim	“Rasanya masa kecil dulu, kita pernah main perang-perang ala Combat.”

K1 menunjukkan dialog yang dibicarakan oleh Intan Suryani kepada ibunya, Azizah. Intan menggunakan “**kita**” untuk merujuk dirinya sendiri dan Azizah semasa hendak meyakinkan ibunya bahawa rumah mereka telah selamat sejak kejadian pecah masuk berlaku. Hal ini kerana terdapat dua pengawal yang sentiasa mengawasi rumah mereka. Dialog dalam K2 pula ialah dialog Hakim kepada adiknya, Shauqi. Hakim merujuk dirinya dan Shauqi sebagai “**kita**” kerana Hakim cuba mengingatkan Shauqi akan kenangan mereka bermain perang sewaktu kecil dahulu.

Kata Ganti Nama Diri Kedua “Awak”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
55	388	K1	Intan Suryani	“Hakim... hanya awak seorang saja yang boleh mendengar saya.”
5	40	K2	Azizah	“Tapi awak doktor peribadi Intan, David!”

Dialog dalam K1 diujarkan oleh Intan Suryani kepada Hakim. “**Awak**” yang dimaksudkan oleh Intan Suryani dalam dialog ini merujuk kepada Hakim, lawan tuturnya. Intan meminta Hakim untuk membantunya memohon keampunan daripada ibunya. Hal ini kerana Hakim seorang sahaja yang boleh mendengar suaranya sebagai roh. Seterusnya, K2 memperlihatkan dialog Azizah kepada Dr. David Chu. Azizah selesa memanggil Dr. David Chu dengan panggilan “**awak**” kerana mereka sudah lama berkawan baik meskipun David Chu mempunyai pangkat doktor. K2 menunjukkan Azizah sedang menegaskan bahawa Dr. David Chu merupakan doktor peribadi Intan dan beliau tiada hak untuk meninggalkan Intan Suryani di hospital begitu sahaja.

Kata Ganti Nama Diri Kedua “Engkau”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
3	26	1 (K1)	Azizah	“ <i>Diamlah! Engkau dah mati... matilah!</i> ”

Berdasarkan dialog K1, “**engkau**” yang dimaksudkan oleh Azizah ialah arwah suaminya, Sanusi. Azizah menggunakan “**engkau**” untuk merujuk suaminya kerana dia berada dalam keadaan marah. Hal ini kerana, bayangan Sanusi sering muncul dan mengganggu fikirannya.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga “Dia”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
18	128	1 (K1)	Intan Suryani	“ <i>Mana dia?</i> ”
13	96	2 (K2)	Hakim	“ <i>Boleh saya jumpa dia?</i> ”

Dialog dalam K1 dituturkan oleh Intan Suryani kepada salah seorang pekerjanya. “**Dia**” yang dimaksudkan oleh Intan Suryani ialah kekasihnya, Khairil. Intan Suryani menggunakan “**dia**” kerana semasa perbualan antara Intan Suryani dan pekerjanya berlangsung, Khairil sudah tiada di situ. Intan bertanya pekerjanya akan keberadaan Khairil setelah Khairil menitipkan hadiah buatnya di pejabat. Seterusnya, K2 menunjukkan dialog Hakim kepada Dr. Karen. “**Dia**” dalam dialog tersebut merujuk kepada Mak Cik Zubaidah, isteri kepada Pak Cik Jaafar yang sedang koma. Hakim meminta izin Dr. Karen untuk berjumpa dengan Mak Cik Zubaidah setelah roh Pak Cik Jaafar datang menemuinya untuk meminta pertolongan.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga “Mereka”

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
14	104	1 (K1)	Intan Suryani	“ <i>Mereka tak balik Malaysia?</i> ”
22	154	2 (K2)	Hakim	“ <i>Mereka sentiasa mungkir janji,</i> ”

“**Mereka**” yang dimaksudkan oleh Intan Suryani ialah ibu bapa Khairil dan kata ganti nama diri tersebut digunakan memandangkan ibu bapa Khairil tiada semasa perbualan berlangsung. Intan bertanya kepada Khairil sama ada ibu bapanya akan pulang ke Malaysia suatu hari nanti setelah lama merantau. Seterusnya, dialog Hakim dalam K2 diujarkan kepada Dr. Sipon. Hakim dan Dr.

Sipon sedang berbincang mengenai kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin. “**Mereka**” dalam dialog Hakim merujuk orang Israel yang memungkiri janji atas kebaikan rakyat Palestin.

DEIKSIS TEMPAT

Bab	Halaman	Konteks (K)	Dialog
4	33	K1	“Intan... Intan berada di <i>dunia lain</i> ,”

Dialog dalam K1 diujarkan oleh Intan kepada ibunya, Azizah. “**Dunia lain**” yang dimaksudkan oleh Intan Suryani merujuk suatu tempat yang asing baginya, iaitu alam roh. Dialog ini berlaku semasa Intan Suryani menjelaskan kepada Azizah bahawa dia dapat melihat dirinya terbaring kaku dalam dakapan ibunya sebagai roh.

Bab	Halaman	Konteks (K)	Dialog
10	76	K2	“Kenapa riuh-rendah kat <i>sini</i> , Salamah?”

K2 memperlihatkan dialog yang dituturkan Hakim kepada rakan sekerjanya, Salamah. Hakim merujuk “**sini**” sebagai kawasan berdekatan dengan kafeteria hospital. Apabila Hakim menjejakkan kaki keluar dari kafeteria, Hakim terdengar akan jeritan manusia yang bingit. Namun begitu, Salamah mengatakan bahawa suasana ketika itu tenang sahaja.

Bab	Halaman	Konteks (K)	Dialog
11	84	K3	“Gua tak mahu abang gua bersedih bila gua masuk <i>penjara</i> .”

Berdasarkan dialog dalam K3, Shauqi mentakrifkan “**penjara**” sebagai suatu tempat yang ingin dia jauhi kerana penjara merupakan tempat tahanan bagi orang yang melakukan kesalahan jenayah. Shauqi menegaskan kepada Dell bahawa dia tidak mahu masuk ke penjara kerana hal itu akan melukakan hati abangnya.

DEIKSIS WAKTU

Bab	Halaman	Konteks (K)	Dialog
13	93	K1	“Macam mana mama jumpa arwah ayah <i>dulu</i> ?”

Berdasarkan dialog dalam K1, Intan Suryani bertanya kepada ibunya akan kenangan ibu dan ayahnya. **“Dulu”** yang dimaksudkan oleh Intan Suryani merujuk kepada suatu masa yang sudah lama berlalu. Hal ini kerana, Intan Suryani bertanya tentang cara ibu bapanya saling bertemu dan mula menjalinkan hubungan percintaan.

Bab	Halaman	Konteks (K)	Dialog
4	30	K2	<i>“Petang nanti, Shauqi jemput abang.”</i>

K2 menunjukkan dialog Shauqi kepada Hakim. Shauqi berpesan bahawa dia akan menjemput abangnya pulang daripada kerja. Waktu **“petang”** dalam dialog tersebut khususnya merujuk waktu Hakim habis kerja dan waktu Shauqi akan membawanya pulang ke rumah mereka.

Bab	Halaman	Konteks (K)	Dialog
46	321	K3	<i>“10.00 pagi,”</i>

Dialog dalam K3 merupakan pertuturan Dr. David Chu kepada Khairil. Dr. David Chu menjawab pertanyaan Khairil apabila ditanya soal waktu mereka perlu berada di Institut Jantung Negara. **“10.00 pagi”** adalah jawapan ringkas Dr. David Chu kepada pertanyaan tersebut. Dialog Dr. David Chu dalam K4 diujarkan kepada Azizah.

DEIKSIS SOSIAL

Keluargaan

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
5	33	K1	Intan Suryani	<i>“Intan nampak, mama.”</i>

Dialog di atas menunjukkan penggunaan perbezaan status sosial dari sudut keluargaan. Hal ini boleh dilihat melalui panggilan yang digunakan. Dialog dalam K1 dituturkan oleh Intan Suryani kepada Azizah. Intan Suryani memanggil Azizah dengan gelaran **“mama”** kerana Azizah ialah ibu yang melahirkan dan membesarkannya sehingga dewasa. Panggilan **“mama”** turut mempamerkan rasa hormat dan kasih terhadap ibunya. Intan memberitahu ibunya bahawa dia dapat melihat dirinya dan orang lain semasa menjadi roh.

Pekerjaan

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
1	11	K1	Azizah	<i>“Terima kasih, Dr. David,”</i>

Dialog di atas mempamerkan penggunaan panggilan bagi perbezaan status sosial pekerjaan. Pangkat seseorang individu boleh mengubah gaya pertuturan dan layanan individu lain terhadapnya. Dialog Azizah dalam K1 diujarkan kepada Dr. David Chu. Azizah memanggil Dr. David Chu dengan gelaran “**Dr**” untuk menghormati pekerjaannya sebagai seorang doktor yang berpengalaman dan doktor yang turut merawat anaknya. Azizah berterima kasih kepada Dr. David kerana merawat anaknya, Intan Suryani dengan baik.

Umur

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
27	184	K1	Hakim	<i>“Pak Cik Jaafar dah meninggal dunia.”</i>

Dialog di atas menunjukkan penggunaan panggilan bagi seseorang yang mempunyai perbezaan sosial umur. K1 memperlihatkan dialog oleh Hakim kepada rakannya, Salamah. Hakim memberitahu Salamah bahawa salah seorang pesakit di Wad Unit Rawatan Rapi telah meninggal dunia. “**Pakcik**” yang dimaksudkan oleh Hakim ialah seorang pesakit warga emas yang meminta bantuannya untuk menyelesaikan hutang. Hakim membahaskan “**pak cik**” kepada Pak Cik Jaafar kerana terdapat perbezaan umur yang sangat ketara antara mereka.

DEIKSIS WACANA

Anafora

Bab	Halaman	Konteks	Watak	Dialog
12	85	K1	Intan Suryani	<i>“Nampaknya, kawalan keselamatan mesti diperketatkan lagi. Mama dah uruskan hal tu lepas buat laporan polis.”</i>
13	97	K2	Hakim	<i>“Encik Jaafar berpesan supaya Puan Zubaidah menjelaskan hutangnya kepada seorang lelaki di JB.”</i>

Berdasarkan dialog oleh Intan Suryani kepada Khairil dalam K1, Intan Suryani sedang menjelaskan kepada Khairil tentang keadaan rumahnya setelah dipecah masuk. “**Tu**” yang dimaksudkan oleh Intan Suryani merujuk semula kepada petunjuk pada ayat sebelumnya, iaitu “**kawalan keselamatan mesti diperketatkan lagi**”. Intan menggunakan “**tu**” untuk menegaskan kepada Khairil bahawa tindakan mengetatkan kawalan keselamatan tersebut telah diuruskan oleh ibunya. Penggunaan “**tu**” sudah cukup untuk memberikan suatu makna jika konteksnya difahami secara menyeluruh.

Dialog dalam K2 pula dituturkan oleh Hakim kepada Puan Zubaidah. Hakim menyampaikan pesanan Pak Cik Jaafar buat isterinya, Puan Zubaidah mengenai hutang yang belum dilangsaikan. Penggunaan “**nya**” oleh Hakim dalam dialog tersebut merujuk kembali kepada Pak Cik Jaafar yang telah disebut dalam ayat yang sebelumnya. “**nya**” digabungkan dengan perkataan “hutang” untuk merujuk kepada hutang Pak Cik Jaafar. Dialog tersebut memperlihatkan Hakim tidak perlu untuk mengulangi nama Pak Cik Jaafar dalam ayat berikutnya untuk menjelaskan keadaan tersebut kerana penggunaan “**Pak Cik Jaafar**” dalam ayat sebelumnya sudah memadai untuk melengkapkan konteks bagi dialog tersebut.

Katafora

Bab	Halaman	Konteks (K)	Watak	Dialog
6	39	K1	Dr. David Chu	<i>'Hebohkan berita ini. Buat sidang akhbar, cari penderma.'</i>
10	73	K2	Azizah	<i>"Tapi cara Intan tu, gedik sangat. Mama tak suka!"</i>

Dialog dalam K1 diujarkan oleh Dr. David Chu kepada Azizah. Dr. David Chu menegaskan kepada Azizah supaya bertindak dengan segera demi menyelamatkan Intan Suryani yang mengalami penyakit lemah jantung. **"Ini"** yang dimaksudkan oleh Dr. David Chu merujuk kepada petunjuk dalam ayat seterusnya, iaitu **"sidang akhbar, cari penderma"**. Jika penggunaan **"ini"** dilihat dalam konteks ayat pertama sahaja, maka sukar untuk memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh Dr. David Chu. Oleh itu, penunjukkan atau penerangan mengenai **"ini"** dijelaskan dalam ayat berikutnya dengan mengatakan Azizah perlu lakukan sidang akhbar bagi mencari penderma jantung buat Intan Suryani.

Seterusnya, dialog Azizah dalam K2 dituturkan kepada anaknya, Intan Suryani. Azizah menegur cara Intan Suryani melayan pelanggan lelaki di kedai emas mereka. Penggunaan **"tu"** pada awal dialog Azizah merujuk kepada **"gedik sangat"**, iaitu sikap Intan Suryani melayan pelanggannya, Khairil. Penunjukkan **"gedik sangat"** dinyatakan selepas penggunaan **"tu"** untuk melengkapkan konteks. Hal ini kerana, jika Azizah tidak menjelaskan sikap Intan Suryani dengan terperinci, iaitu **"gedik sangat"** selepas penggunaan **"tu"**, maka **"tu"** tersebut boleh memberi maksud pelbagai sikap yang lain antaranya, kasar, sombong, sopan dan sebagainya.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa novel 9 Nyawa ini mengandungi kelima-lima jenis deiksis, iaitu deiksis orang, deiksis tempat, deiksis waktu, deiksis sosial dan deiksis wacana. Jenis deiksis yang mendominasi ialah deiksis orang sebanyak 587 deiksis. Jumlah deiksis yang terendah pula ialah jenis deiksis wacana, iaitu 44 deiksis. Deiksis wacana jenis katafora mempunyai jumlah deiksis yang paling sedikit dengan 14 deiksis.

Selain itu, setelah penganalisisan dapatan kajian dilakukan dengan teliti, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa penggunaan deiksis dalam novel ini adalah berpandukan tema yang diketengahkan oleh penulis novel. Oleh itu, setiap deiksis diaplikasikan dengan baik dan relevan. Kesemua deiksis yang ditemui dalam dialog watak-watak utama dan penggunaan deiksis tersebut juga bersesuaian dengan konteks. Tambahan pula, penggunaan deiksis juga sangat jelas dan langsung. Penerapan deiksis dengan baik dalam novel ini memudahkan pengkaji untuk melengkapkan kajian ini.

Konklusinya, pengkaji telah memenuhi kedua-dua objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti jenis-jenis deiksis dan menganalisis deiksis-deiksis tersebut berpandukan novel 9 Nyawa. Kajian ini juga telah dilaksanakan sejajar dengan Teori Pragmatik Levinson (1983) mengenai deiksis. Teori ini menjadi tunjang utama dalam melengkapkan kajian secara sistematik dan menyeluruh. Kelebihan kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan kelompangan yang terdapat dalam kajian ini mampu ditambah baik dengan pembaharuan dalam kajian akan datang.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. (2012). *Kemunculan Novel dalam Sastera Moden Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Abdurrahman. (2011). *Pragmatik; Konsep Dasar Memahami Konteks Tuturan*. Indonesia: Fakultas Humaniora dan Budaya, Universitas Islam Negeri (UIN) Malang.
- Agustina. (1995). *Pragmatik dalam Pengajaran Bahasa Indonesia*. Indonesia: IKIP Padang.
- Amelia Maharani Azmin. (2018). *Analisis Deiksis dalam Novel Surga Yang Tak Dirindukan Kajian Pragmatik*. Indonesia: Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Jakarta.
- Cahyono. (1995). *Kristal-Kristal Ilmu Bahasa*. Surabaya: Airlangga University Press.
- Darsita Suparno. (2016). "Deiksis" dalam Nazam Tarekat Karya K.H. Ahmad Ar-Rifai Kalisalak Tinjauan Pragmatik. Indonesia: UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Dea Isgoentiar. (2012). *Deiksis pada Novel Charlotte's Web Karya E. B. White Kajian Pragmatis*. Indonesia: Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Padjadjaran.
- Halis Azhan. (2002). *Novel-Novel Zailiani Taslim Analisis Kehendak Remaja*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Halis Azhan. (2014). *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor: Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1999). *Pengajian Melayu 5 dan 6: (Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber, Budaya dan Masyarakat Malaysia)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, S. (1983). *Pragmatics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nika Ardiana. (2016). *Analisis Penggunaan Deiksis Tempat dan Waktu dalam Novel Surga Retak Karya Syahmedi Dean*. Indonesia: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Maritim Raja Ali Haji Tanjung Pinang.
- Nursham. (2015). *Novel-Novel Terpilih Azizi Hj Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof & Karim Harun. (2016). *Deiksis Sosial dalam Interaksi Masyarakat Melayu Kedah. Malaysia Journal of Society and Space*. ISSN 2180-2491.
- Prastuti Kesumawardani. (2017). *Deiksis Persona, Tempat, dan Waktu dalam Novel Pulang Karya Tere Liye (Kajian Pragmatik) dan Relevansinya dengan Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA*. Indonesia: Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas PGRI Yogyakarta.
- Purwo. (1984). *Deiksis dalam Bahasa Indonesia*. Indonesia: Balai Pustaka Jakarta.
- Putri Jayati. (2018). *Deiksis Sosial dalam Novel Rembulan Tenggelam di Wajahmu Karya Tere Liye, Suatu Kajian Pragmatik*. Indonesia: Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Jakarta.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Rr. Sulistyawati & Hazalia Zahra Munir. (2018). *Analisis Deiksis dalam Novel The Case Book of Sherlock Holmes Karya Sir Arthur Conan Doyle dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa dan Sastra di SMK*. *Jurnal IMAJERI Vol. 01, No. 1, Pp. 52-62*. Indonesia: Universitas Muhammadiyah Prof. DR. HAMKA.

- Taylor, Bogdan & Devault. (1950). *Introduction to Qualitative Research Methods*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Thomas, J. (1995). Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics. *Journal of Pragmatics*. London: Longman.
- Walset Tologana. (2016). Deiksis dalam Novel “Assalamualaikum Beijing” Karya Asma Nadia. Indonesia: Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sam Ratulangi.
- Yule, G. (1996). *The Study of Language*. Second Edition. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Yule, G. (2010). *The Study of Language*. Fourth Edition. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Yule, G. (2017). *The Study of Language*. Sixth Edition. United Kingdom: Cambridge University Press.